

21/03/2000

Bendung pekerja bank bocor rahsia

Rahman Hashim

MELAKA, Isnin - Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, meminta Bank Negara bertindak segera membendung perbuatan sesetengah pekerja bank membocorkan rahsia pelanggan.

Menurutnya, jika perbuatan tidak bertanggungjawab itu tidak dibanteras lebih awal, ia bukan saja menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap institusi bank, malah menghakis keyakinan pelabur luar.

Beliau berkata, mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan (Bafia), mana-mana bank tidak boleh mengeluarkan sebarang maklumat peribadi mana-mana individu atau pelanggan masing-masing.

"Jika ini berlaku, sudah tentu akan menimbulkan keraguan, bukan saja kepada pelabur asing malah perasaan tidak puas hati masyarakat.

"Orang ramai sudah tentu bimbang jika segala maklumat mengenai jumlah simpanan dan transaksi akaun mereka didedahkan kepada umum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Minggu 3P Universiti Multimedia di Bukit Beruang di sini, hari ini.

Rafidah berkata demikian ketika mengulas tindakan kerajaan negeri Melaka menarik balik wang simpanan tetap berjumlah RM45 juta dari Bumiputra Commerce Bank Berhad (BCB) dan Bank Islam Berhad cawangan Melaka kerana tindakan sesetengah pekerja bank itu yang terus memburuk-burukkan kerajaan.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mendedahkan ada pekerja bank sengaja membuat salinan terhadap cek yang mempunyai kepentingan kerajaan.

Dr Mahathir menjelaskan, salinan cek itu kemudian disalurkan ke Internet, kononnya bagi membuktikan penyelewengan atau rasuah yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Selain itu, kerajaan negeri Melaka juga sudah menamatkan kontrak 12 doktor panel dan menyenaraihitamkan 20 kontraktor tempatan kerana terus memburuk-burukkan kerajaan.

Semalam, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata dua firma guaman juga sudah disenaraikan kerana bertindak secara terbuka berkempen untuk pembangkang.

Menurut Rafidah, kakitangan bank juga perlu mematuhi syarat menyimpan rahsia pelanggan masing-masing kerana tidak ada sebab mereka boleh mendedahkan sebarang maklumat tanpa kebenaran pihak yang berwibawa.

"Kerajaan ingin meyakinkan kepada pihak luar bahawa kejadian ini bukan perkara biasa.

"Bagaimanapun, disebabkan perkara ini sudah berlaku, sedikit sebanyak sudah menimbulkan keraguan kepada orang ramai," katanya.

(END)